



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan: JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 44 (7)

Tarikh : 8 November 2024

Semua Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Pembinaan
Pengarah JKR KESEDAR
Pengarah JKR KETENGAH
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 28/2024

DASAR JABATAN KERJA RAYA MENGENAI PELAKSANAAN PROJEK
PEMBANGUNAN FIZIKAL

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Arahan ini adalah bertujuan untuk menambahbaik Surat Arahan KPKR Bil. 30/2019, iaitu Dasar Jabatan Kerja Raya Mengenai Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal bertarikh 11 Disember 2019.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Merujuk Arahan Perbendaharaan (AP) 182 dan Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Kerja Projek Pembangunan Persekutuan Yang Dilaksanakan Oleh Jabatan Teknik Negeri Sabah Dan Sarawak telah menyatakan bahawa:


1/9

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03587

CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227

CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00904

CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.: 00249

- i) Semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- ii) Kerja-kerja penyenggaraan membaiki kerosakan kecil yang tidak melibatkan struktur bangunan atau kerja elektrik yang bernilai tidak melebihi RM 200,000 bagi satu (1) kali pembaikan boleh diuruskan sendiri oleh Kementerian tanpa merujuk kepada Jabatan Teknik. Walau bagaimanapun, kerja-kerja berkenaan hendaklah dipelawa mengikut Arahan Perbendaharaan 180.
- iii) Berikut adalah had nilai projek pembangunan fizikal seperti di jadual berikut:

BIL.	JABATAN TEKNIK	HAD NILAI PROJEK
(a)	JKR/ JPS Sabah/Sarawak	Sehingga RM 50 Juta
(b)	JKR/ JPS Malaysia	Melebihi RM 50 Juta

- iv) Bagi projek luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) yang melebihi RM 50 Juta di Sabah dan Sarawak, pihak KKDW boleh mempertimbangkan untuk pelaksanaan projek oleh Jabatan Teknik di Sabah dan Sarawak tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik Malaysia.

2.2 Sehubungan itu, bagi memastikan pengurusan projek dilaksanakan dengan efektif dan teratur, surat arahan ini dikeluarkan bagi:

- i. Kriteria projek pembangunan fizikal yang akan dilaksanakan oleh JKR Malaysia sebagai Agensi Pelaksana;
- ii. Tatacara penerimaan projek yang menggunakan peruntukan persekutuan;

- iii. Kaedah pemantauan yang digunakan; dan
- iv. Langkah-langkah melaksanakan dan menyegerakan pelaksanaan projek.

2.3 Selain daripada JKR atau JPS, terdapat juga agensi pelaksana bagi mengendalikan projek pembangunan fizikal, antaranya ialah:

- i. Bahagian Bekalan Air dan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan di bawah Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA); dan
- ii. Jabatan Perumahan Negara dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

3.0 PROJEK YANG AKAN DILAKSANA OLEH JKR

3.1 Sebagai agensi pelaksana, semua projek pembangunan fizikal yang melibatkan pembinaan infrastruktur, bangunan dan struktur serta kerja pakar mekanikal dan elektrik akan dilaksanakan oleh JKR Malaysia. Disamping itu, JKR juga akan memberi perkhidmatan atau nasihat teknikal dalam pelaksanaan projek Kerajaan.

3.2 Pelepasan projek boleh dipertimbangkan oleh JKR Malaysia bagi projek berasaskan kepada kriteria berikut: -

- i. Keperluan program yang melibatkan kajian dan penyelidikan tidak melibatkan kerja fizikal pembinaan/ penyenggaraan;
- ii. Perolehan dan pembelian tanah/ bangunan/ peralatan/ aset;
- iii. Projek di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, W.P 7.5: Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan;
- iv. Projek melibatkan sistem bekalan air, loji pembersihan air dan empangan;

- v. Projek mesra rakyat dan projek ameniti sosial;
- vi. Projek pembentungan dan sistem pembersihan kumbahan;
- vii. Projek melibatkan pembekalan elektrik utama, elektrik luar bandar;
- viii. Projek pembinaan jalan-jalan pertanian;
- ix. Projek perumahan rakyat, pelupusan sampah dan sisa pepejal;
- x. Projek sekolah bantuan modal;
- xi. Projek melibatkan pelbagai skop dan lokasi (*One Line Item*);
- xii. Semua bentuk program/ projek fizikal pembinaan yang tidak melibatkan struktur atau bangunan serta tidak melibatkan elemen yang memerlukan rekabentuk pakar disamping tidak melibatkan aspek keselamatan pembinaan yang tidak melebihi RM 5 juta.

3.3 Sumber peruntukan untuk melaksanakan projek adalah daripada peruntukan pembangunan dan juga daripada sumber lain seperti berikut:

- i. Peruntukan Badan Berkanun;
- ii. Wang Amanah;
- iii. Peruntukan Program Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI);
- iv. Peruntukan Khas;
- v. Belanja Mengurus; dan
- vi. Peruntukan sumber persekutuan lain bagi melaksana projek kerja.

4.0 TATACARA PENERIMAAN PROJEK

4.1 Pelantikan JKR Malaysia sebagai agensi pelaksana bagi semua projek pembangunan fizikal persekutuan adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Kerja

Raya (KPKR). Permohonan boleh dibuat menerusi Sistem MyProjek atau secara bertulis daripada Kementerian.

- 4.2 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) akan menyemak kriteria pemilihan dan status ketersediaan projek sebelum mengesyorkan kepada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) sama ada Jabatan akan melaksanakan projek tersebut atau memberi pelepasan kepada agensi pelanggan untuk melaksanakan sendiri projek berkenaan.
- 4.3 Seterusnya, Surat Pemakluman Status Pemilihan Pelaksanaan Projek akan dikeluarkan kepada Kementerian Pelanggan berserta Surat Pelantikan Pengurus Program kepada JKR Cawangan/ JKR Negeri bagi projek yang dilaksanakan oleh JKR.

5.0 KAEDAH PEMANTAUAN

- 5.1 Sistem Kawal Dan Lapor (SKALA) merupakan sistem untuk tujuan memantau dan mengawal prestasi pelaksanaan projek fizikal dari peringkat penerimaan sehingga penyerahan dan penutupan akaun kontrak bagi semua projek kerja sama ada perolehan dilaksanakan secara sebut harga ataupun tender.
- 5.2 Bagi kerja Penyenggaraan, Pemulihan, Ubahsuai dan Naik Taraf (PPUN) yang tidak melibatkan proses rekabentuk yang kompleks, jangkamasa bagi proses perolehan dan tempoh pelaksanaan kerja yang kurang daripada dua belas (12) bulan boleh dipantau melalui Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB).
- 5.3 Manakala projek PPUN yang besar dan kompleks hendaklah dipantau melalui sistem SKALA. Pendaftaran projek di dalam SKALA atau SPSB dilaksanakan oleh CPAB.

5.4 Semua Pengurus Program di Sektor Pakar, Sektor Bangunan, Sektor Infra dan JKR Negeri adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan penyediaan strategi pelaksanaan sehingga projek siap.

6.0 MENYEGERAKAN DAN MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN

6.1 Proses pelantikan perunding, kerja penyiasatan tanah, kerja ukur tanah dan pemetaan utiliti, penyediaan lukisan terukur, penilaian aset serta kerja-kerja lain hendaklah dimulakan secepat mungkin sebaik sahaja Pengurus Program dilantik.

6.2 Pengurus Program adalah bertanggungjawab untuk memastikan proses-proses utama (yang mana berkenaan) dalam pelaksanaan projek pembangunan fizikal disediakan lebih awal atau telah selesai dilaksanakan, antaranya ialah:

- i. Brif projek telah diperincikan dan dimuktamadkan dengan Kementerian pelanggan;
- ii. Tiada isu pengambilan balik tanah bagi projek bangunan, dan tapak bina boleh dimasuki;
- iii. Perolehan tanah yang mencukupi telah selesai bagi projek bangunan dan tapak bina boleh dimasuki;
- iv. Kementerian pelanggan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi setiap peringkat pelaksanaan;
- v. Memperolehi lukisan siap bina bagi kerja menaik taraf bangunan sedia ada;
- vi. Reka bentuk konsep dan pelan susun atur tapak bina berserta anggaran awal telah diluluskan oleh Kementerian pelanggan;

- vii. Keperluan semua pihak berkepentingan dan keperluan standard serta piawai diambilkira;
 - viii. Reka bentuk terperinci arkitek dan/ atau kejuruteraan disediakan dan dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
 - ix. Semua kerja *Nominated Sub Contractor* (NSC) hendaklah diiklan sebelum kemajuan fizikal kontrak utama mencapai 20%.
 - x. Memastikan skop kerja bagi item Wang Peruntukan Sementara (WPS) dapat dimuktamadkan oleh pelanggan dengan mengambil kira tempoh perolehan sebelum aktiviti tersebut sepatutnya bermula di dalam program kerja kontraktor. Hal ini adalah termasuk mendapat kelulusan pertambahan kos sekiranya melebihi had nilai Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek atau kelulusan pertambahan peruntukan oleh pelanggan sekiranya melebihi *Preliminary Detailed Abstract* (PDA).
- 6.3 Bagi projek bernilai kurang daripada RM 20 juta, Pengurus Program di Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia boleh melantik JKR Negeri/ Wilayah Persekutuan sebagai Penolong Pengurus Program setelah mengadakan perbincangan bersama mengambil kira skop projek, tahap kompleksiti, ketersediaan pasukan rekabentuk dan beban kerja semasa di JKR Negeri/ Wilayah Persekutuan.
- 6.4 Berdasarkan pekeliling Kementerian Ekonomi Bil.1 Tahun 2024, bagi program/ projek fizikal dengan nilai ambang (*threshold*) RM 70 juta dan ke atas, Pengurusan Nilai (VM) perlulah dilaksanakan.
- 6.5 Bagi projek yang tidak dapat dilaksanakan perolehannya disebabkan oleh pelbagai isu seperti isu tapak, notis perubahan (*Notice of Change – NOC*), NOC skop, dan lain-lain isu, Pengurus Program dikehendaki membuat libat urus bersama Kementerian pelanggan untuk diselesaikan segera.


7.0 KUATKUASA

- 7.1 Arahan ini berkuat kuasa serta merta untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling lain yang berkaitan.
- 7.2 Surat Arahan ini akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini.
- 7.3 Dengan berkuatkuasanya arahan ini, Surat Arahan KPKR Bil. 30/2019 bertarikh 11 Disember 2019 adalah **DIBATALKAN**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK WIRA Ir. ROSLAN BIN ISMAIL)

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat